

06/12/1997

Rumah MB guna 10 peratus bahan import

SHAH ALAM, Jumaat - Kerja pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar Selangor di Bukit Megawati di sini yang membabitkan perbelanjaan RM5 juta hanya menggunakan 10 peratus bahan import, kata Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar.

Bagaimanapun, beliau tidak mendapat angka muktamad mengenai peratusan bahan import itu tetapi menganggarkan kira-kira RM2 juta kerana bahan berkenaan tidak boleh diperolehi di negara ini.

Beliau berkata, mengikut Jabatan Kerja Raya (JKR), bahan yang digunakan di kediaman rasmi itu dikeluarkan pada 24 tahun lalu dan kini sudah tidak ada dipasaran.

"Bahan seperti jubin tidak dikeluarkan lagi pada masa ini. Yang pecah perlu diganti. Oleh itu, keseluruhan kawasan kediaman rasmi itu perlu diganti.

"Jika tidak, bahan yang digunakan pastinya tidak sama terutama dari segi warna. Dalam hal ini, orang akan fikir jika pengubahsuaian masih tidak mempunyai perubahan, lebih baik tidak diubahsuai," katanya kepada pemberita ketika ditemui di luar Dewan Undangan Negeri Selangor di sini, hari ini.

Menurutnya, apabila kerja pengubahsuaian bermula di kediaman rasmi itu ada tempat tertentu yang hanya nampak elok dari luar, tetapi hakikatnya uzur dan terpaksa dibaiki.

"Ini bukan membabitkan rumah sahaja tetapi kawasan sekeliling, termasuk rumah pekerja yang dulu macam petak dan tidak sempurna, kini dibuat lebih selesa untuk tiga keluarga," katanya.

Ditanya sama ada pengubahsuaian itu akan dilakukan ketika ekonomi meleset, Abu Hassan berkata: "Saya tidak dapat jelaskan kerana jika minta saya duduk di kediaman rasmi kerajaan, ia mestilah di tempat yang selesa, bukan masa tidur atap bocor, katil terjungkit dan lantai pecah."

Abu Hassan berkata, beliau akan menyerahkan laporan mengenai kerja pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar Selangor itu kepada pejabat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kerja Raya sebaik sahaja disiapkan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Laporan lengkap dan terperinci mengenai kerja pengubahsuaian yang sedang disiapkan oleh Pengarah JKR itu dijangka siap hari ini dan akan disampaikan ke pejabat berkenaan akhir hari ini juga," katanya.

Beliau sendiri akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menyerahkan laporan berkenaan.

"Tanggungjawab kita di peringkat negeri ialah menyediakan laporan terperinci kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Sebenarnya, pada hari ini juga laporan berkenaan akan disampaikan kepada pejabat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kerja Raya sebaik sahaja disiapkan oleh Pengarah JKR," katanya.

Abu Hassan menjelaskan, empat kontraktor dikenal pasti untuk melaksanakan kerja pengubahsuaian secara turnkey itu tetapi hanya satu yang dilantik.

"Saya juga mahu menjelaskan bahawa sampai sekarang belum ada satu sen pun yang dibayar kepada kontraktor terbabit dan kos sebenar kerja mengubahsuai ini belum ditentukan kerana dijalankan secara turnkey," katanya.

Menurutnya, beliau melaporkan kepada Perdana Menteri keputusan untuk mengubahsuai kediaman rasmi itu kerana Dr Mahathir patut tahu mengenainya

tetapi tidak sempat melaporkan kepada Timbalan Perdana Menteri.
(END)